

JOHOR

ENAKMEN 16 TAHUN 2003

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

BAHAGIAN VI - KEWANGAN

Zakat dan Fitrah

Fasal 86. Kuasa Majlis memungut zakat dan fitrah.

Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Johor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Fasal 87. Kuasa membuat peraturan-peraturan.

(1) Majlis boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.

(2) Tanpa menjejaskan kuasa keseluruhan sebelum ini, Majlis boleh membuat peraturan-peraturan untuk –

(a) menentukan dari semasa ke semasa nilai kadar zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh setiap orang Islam di dalam Negeri Johor;

(b) mewujudkan tatacara pemungutan zakat dan fitrah;

(c) melantik amil-amil bagi menjalankan pemungutan zakat dan fitrah; dan

(d) mewujudkan kesalahan dan memperuntukkan hukuman bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pemungutan atau penyerahan hasil pungutan zakat dan fitrah.

Fasal 88. Rayuan.

(1) Mana-mana orang bolehlah membuat rayuan kepada Majlis terhadap mana-mana tuntutan bayaran zakat atau fitrah ke atasnya.

(2) Majlis hendaklah menimbang rayuan itu dan boleh memerintahkan bahawa orang itu hendaklah membayar amaun zakat atau fitrah yang dituntut ke atasnya, atau amaun yang kurang, sebagaimana difikirkan patut oleh Majlis atau boleh memerintahkan bahawa orang itu tidak dikehendaki daripada membayar zakat atau fitrah di dalam sesuatu tahun.

(3) Keputusan Majlis terhadap rayuan itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan lagi di dalam mana-mana Mahkamah.